



SIARAN MEDIA

PRA PELANCARAN GPP TAPAK PERKHEMAHAN: KPKT UTAMAKAN KESELAMATAN AWAM DI TAPAK PERKHEMAHAN DAN KEMAMPANAN ALAM SEKITAR

IPOH, 2 Disember 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan **Garis Panduan Perancangan (GPP) Tapak Perkhemahan**.

Tujuan utama penyediaan GPP ini ialah bagi memberi panduan perancangan tapak perkhemahan dan memperjelas proses pemajuan tapak perkhemahan. Ia juga akan menjadi panduan pengurusan dan pengoperasian tapak perkhemahan untuk pihak berkuasa, pengusaha dan operator tapak perkhemahan serta orang awam.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), “penyediaan GPP ini telah dimulakan segera ekoran kejadian tanah runtuhan yang melibatkan sebuah tapak perkhemahan di Batang Kali, Selangor pada 16 Disember 2022 yang lalu. Tragedi tanah runtuhan yang mengorbankan 31 nyawa ini telah menimbulkan persoalan utama mengenai tahap keselamatan tapak-tapak perkhemahan yang terdapat di seluruh negara. Ia turut menyentuh tentang sejauh mana pemantauan pihak berwajib terhadap operasi setiap tapak perkhemahan.”

Tambah beliau, “Laporan forensik yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mendedahkan tragedi kejadian tersebut adalah berpunca daripada jumlah kuantiti hujan yang tinggi dan bukan berpunca daripada aktiviti manusia. Namun begitu, pihak Kerajaan tetap berpendirian bahawa sudah tiba masanya satu garis panduan mengenai perancangan dan pembangunan tapak perkhemahan disediakan sebagai rujukan kepada semua pihak.”

PLANMalaysia telah mengambil masa empat (4) bulan untuk menyiapkan GPP ini. Melalui pelbagai siri libat urus dan sesi perkongsian input kepakaran, sejumlah 6 sesi mesyuarat dan *focus group discussion* (FGD) telah diadakan dan melibatkan 8 agensi kerajaan Persekutuan seperti NRECC, MOTAC, KKR dan NADMA, 11 Pihak Berkuasa Negeri (PBN), 5 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seramai 150 pengusaha tapak perkhemahan dari seluruh negara. Di samping itu, pandangan orang awam dan pengusaha tapak perkhemahan turut diambil kira di dalam penyediaan garis panduan ini melalui sesi *Regulatory Impact Analysis* (RIA) yang dijalankan oleh *National Productivity Council* dan publisiti awam di media sosial oleh pasukan kajian.

Beliau juga menjelaskan skop utama garis panduan ini adalah merangkumi **perancangan tapak perkhemahan; mekanisme pemajuan dan kawal selia tapak perkhemahan; dan pengurusan operasi tapak perkhemahan**. Garis panduan ini turut menggariskan beberapa elemen penting di dalam perancangan tapak perkhemahan termasuklah **kesesuaian lokasi, kesesuaian tapak, perletakan plot khemah, penyediaan kemudahan asas dan penyediaan utiliti** yang besesuaian bagi pembangunan sesebuah tapak perkhemahan.

Menerusi penyediaan garis panduan ini, beberapa langkah proaktif boleh dipertimbangkan termasuklah aspek kawalan perancangan dan penguatkuasaan yang lebih tegas khususnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pertimbangan kelulusan pelan pemajuan tapak perkhemahan. Manakala mekanisme kawal selia bagi tapak-tapak perkhemahan yang telah sedia ada seperti fi, denda dan moratorium turut diperhalusi di dalam garis panduan ini.

Selain isu keselamatan awam di tapak perkhemahan, beberapa isu utama turut dikenal pasti melalui kajian GPP ini termasuk kacau ganggu dan pencemaran alam sekitar seperti kesesakan, vandalisme, gangguan binatang liar dan

kerosakan kepada sumber alam. Manakala potensi dan peluang penjanaan ekonomi domestik daripada operasi tapak perkhemahan yang semakin berkembang kini wajar dimanfaatkan sebaiknya terutamanya kepada golongan muda.

Garis panduan ini telah dibentang di Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Disember 2023. Terdapat beberapa perkara mengenai panduan ini telah dibangkitkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) yang perlu diperkemaskan oleh KPKT seperti berikut:

- i) keperluan penilaian sebelum pembangunan dan pengoperasian tapak perkhemahan dijalankan;
- ii) keperluan kajian EIA;
- iii) memperkuuhkan pengawalseliaan dan penguatkuasaan pengurusan tapak perkhemahan;
- iv) skop kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan tapak perkhemahan; dan
- v) keperluan penggredan premis penginapan pelancongan yang merangkumi tapak perkhemahan *glamping*.

KPKT yakin perkara yang dibangkitkan ini bukan merupakan isu besar yang memerlukan pindaan kepada garis panduan ini, di mana ianya dapat diselesaikan di dalam rangka perundangan sedia ada. Perkara ini akan diperkemas dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut untuk diangkat semula ke Mesyuarat Jemaah Menteri.

Maklumat lanjut berkenaan garis panduan ini boleh diperolehi dengan menghubungi Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia di talian 03-8091 0161 atau melalui e-mel di alamat alam@planmalaysia.gov.my.

Penyediaan GPP ini diharap akan dijadikan panduan serta rujukan kepada semua pihak berkepentingan dalam memastikan pemajuan tapak perkhemahan yang mengutamakan kemampunan alam semula jadi dan keselamatan awam serta melalui tatacara pemajuan dan kawal selia yang menyeluruh.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi
#GppTapakperkhemahan

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : med ia.ukk@kpkt.gov.my

